



ASN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	7
4. PENYATA PENGURUS	13
5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH	14
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM NASIONAL	15
7. PENYATA KEWANGAN	18
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020	18
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020	19
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2020	20
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020	21
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020	22
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Disember 2020	23
8. ALAMAT CAWANGAN ASN	55

LAPORAN PENGURUS
AMANAH SAHAM NASIONAL,
(ASN)



Pemegang-pemegang unit ASN yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Amanah Saham Nasional, (ASN)	Ekuiti	Pertumbuhan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pengagihan pendapatan dan pertumbuhan modal kepada pemegang-pemegang unit melalui kepelbagaian portfolio pelaburan.

1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASN menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
FBM 100 <i>Sumber: www.bursamalaysia.com.my</i>	80
Maybank 12 bulan <i>Sumber: www.maybank2u.com.my</i>	20

1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2020, seramai 1,214,483 individu telah menyertai ASN. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	1,189,830	97.96	269,267,911.13	14.97
5,001 hingga 10,000	8,341	0.69	59,485,588.04	3.31
10,001 hingga 50,000	10,666	0.88	239,013,135.15	13.28
50,001 hingga 500,000	5,178	0.43	766,889,318.25	42.62
500,001 dan ke atas	468	0.04	464,575,406.54	25.82
JUMLAH	1,214,483	100.00	1,799,231,359.11	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Mengikuti Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)		
	2020	2019	2018
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	7.85	7.62	9.34
Barangan Bukan Asasi Pengguna	3.82	4.84	2.62
Barangan Asasi Pengguna	7.57	6.81	8.43
Tenaga	2.00	7.79	4.25
Kewangan	24.80	25.23	24.79
Penjagaan Kesihatan	2.25	7.56	3.36
Perindustrian	11.40	8.67	7.73
Teknologi Maklumat	10.91	4.93	0.59
Bahan Asas	7.13	3.20	5.43
Hartanah	2.47	2.90	3.40
Utiliti	7.06	10.29	11.30
Jumlah	87.26	89.84	81.24
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Pelaburan di dalam Dana Didagangkan Bursa (ETF)	1.19	-	-
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	5.27	8.83	3.54
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	6.28	1.33	15.22
Jumlah	100.00	100.00	100.00

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2020	2019	2018
Sebelum Pengagihan Pendapatan			
NAB (RM'000)	1,153,799	1,177,208	1,251,463
NAB Seunit (RM)	0.6406	0.6602	0.6814
Selepas Pengagihan Pendapatan			
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	2.02	2.75	3.25
NAB (RM'000)	1,117,415	1,128,170	1,191,777
NAB Seunit (RM)	0.6204	0.6327	0.6489
NAB Seunit Terendah (RM)	0.4865	0.6327	0.6489
NAB Seunit Tertinggi (RM)	0.6386	0.6871	0.7626
Unit Dalam Edaran ('000)	1,801,200	1,783,200	1,836,500
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Januari 2021	1 Januari 2020	1 Januari 2019
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	1.23	1.24	1.39
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.81	0.51	0.92
Pulangan			
Pulangan Pendapatan (%) ³	3.26	4.35	5.01
Pulangan Modal (%) ⁴	-1.94	-2.50	-13.30
Jumlah Pulangan (%) ⁵	1.25	1.74	-8.95

Nota:

- Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berbanding NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 adalah tidak ketara.
- Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berbanding NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 adalah ketara, disebabkan oleh peningkatan aktiviti hasil jual beli.
- Pulangan Pendapatan (%): $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
- Pulangan Modal (%): $\left[\left(\frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
- Jumlah Pulangan (%): $\left[\left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, ASN telah memperuntukkan sejumlah RM36,384,240 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 2.02 sen seunit.

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN adalah seperti berikut:

	Pada 31 Disember 2020		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Pulangan Tahunan (%) ¹	1.25	-2.11	3.02
Penanda Aras (%) ²	3.53	-1.71	0.78

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$= \left[\left[(1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right]^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$

Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.

2. Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan penanda aras cipta-suai yang terbaharu.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS


Prestasi bagi ASN berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember				
	2020	2019	2018	2017	2016
Jumlah Pulangan (%)	1.25	1.74	-8.95	18.26	4.62
Penanda Aras (%) ¹	3.53	-1.66	-6.74	10.86	-1.23

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan penanda aras cipta-suai yang terbaharu.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak -0.95% daripada RM 1.13 bilion kepada RM 1.12 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. NAB seunit turut mencatatkan penurunan sebanyak -1.94% daripada RM0.6327 kepada RM0.6204 bagi tempoh yang sama.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garispanduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

Tabung ASN (ASN) telah berupaya mencapai objektif pelaburan untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN adalah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham lain yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam surat ikatan ASN.

ASN boleh melaburkan 70% sehingga 90% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, ASN boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. ASN juga dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk membuat pelaburan asing. Namun begitu, pelaburan tersebut adalah bergantung kepada keadaan pasaran, pergerakan matawang di samping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Strategi pelaburan ASN bagi tahun kewangan berakhir Disember 2020 telah dilaksanakan dengan perumpukan aset ekuiti yang aktif dalam usaha untuk memberi pulangan kompetitif, dalam keadaan pasaran saham yang mencabar.

Pengagihan aset dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi tempatan dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif ASN tercapai. Sepanjang tahun kewangan, purata pengagihan aset adalah lebih kepada ekuiti pada julat 80%-89% berbanding penanda aras 80% ekuiti: 20% tunai.

Selaras dengan mandat ASN, tumpuan lebih diberikan kepada ekuiti berbanding sekuriti berpendapatan tetap dan tunai serta demi memastikan ASN mampu menjana pulangan yang kompetitif, selaras dengan risiko pasaran yang diambil.

i. Ekuiti

Pelaburan ASN dalam ekuiti tertumpu kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai asas kukuh serta prospek perniagaan yang cerah dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif dalam keadaan ekonomi dan pasaran saham global yang tidak menentu.

Pelaburan ekuiti domestik telah dibuat mengikut anggaran pasaran dan ekonomi yang telah terkesan dengan pandemik COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan (PKP) di Malaysia dan seluruh dunia untuk mengawal penularan wabak tersebut. Pada separuh tahun pertama, pegangan tertumpu kepada sektor-sektor yang kurang terkesan daripada impak COVID-19 seperti sektor utiliti, kepenggunaan, kesihatan serta teknologi. Pelaburan dibuat dalam sektor kesihatan (pembuat sarung tangan) kerana peningkatan permintaan ekoran penularan wabak COVID-19. Sektor teknologi pula dianggarkan mendapat manfaat ekoran kesan perang dagangan antara Amerika Syarikat dan China serta permintaan yang konsisten dan berterusan terhadap mikrochip dan mesin "Automated Test Equipment" (ATE) ekoran pelaksanaan 5G oleh beberapa pengeluar telefon pintar.

Pada separuh tahun kedua, pelaburan telah beralih secara taktikal dalam sektor yang bakal mendapat manfaat daripada pembukaan serta pemulihan ekonomi domestik dan global didorong oleh rangsangan fiskal oleh kerajaan-kerajaan negara luar, sejajar dengan sentimen positif penemuan vaksin COVID-19. Sektor-sektor yang dianggarkan mendapat manfaat dari pembukaan ekonomi adalah seperti kewangan, pembinaan dan pengangkutan.

ASN juga telah meneruskan pelaburan dalam pasaran antarabangsa untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Percaturan pelaburan ini bagi membolehkan ASN mencapai pulangan yang memuaskan. Pelaburan ASN dalam pasaran saham antarabangsa tertumpu kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai asas serta prospek perniagaan yang kukuh dan trend mega seperti anjakan digital dan tenaga hijau. Antara pasaran saham antarabangsa yang menjadi tumpuan oleh ASN adalah Amerika Syarikat, Eropah dan juga Asia terutamanya, Korea Selatan dan Taiwan, di mana pelaburan dibuat dalam sektor semikonduktor.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, selain dari pasaran wang, ASN telah membuat pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap untuk mempelbagaikan portfolio pelaburannya demi memastikan keupayaan tabung untuk memberi pulangan yang kompetitif dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Kebanyakan pelaburan dibuat di dalam bon korporat yang memberi perolehan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan. Purata kadar hasil bagi sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap korporat yang dipegang adalah 5.56%, manakala purata penarafan kredit adalah "A1".

Pelaburan ASN dalam pasaran wang pula memastikan tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, pasaran saham utama antarabangsa telah mengalami pemulihan daripada ketidaktentuan pergerakan pasaran berikutan penularan wabak COVID-19 dan kejatuhan mendadak harga minyak mentah akibat permintaan global yang rendah serta kegagalan perjanjian antara Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petrol (OPEC) dengan Rusia. Indeks komposit utama antarabangsa seperti Morgan Stanley All-Country World Islamic Index (MSCI ACWI) telah mencatatkan kenaikan sebanyak +8.9%, dan Korea Selatan (KOSPI) mencatatkan kenaikan tertinggi sebanyak +30.8%, diikuti oleh China (SHCOMP) sebanyak +27.7%, Taiwan (TWSE) sebanyak +22.8%, Amerika Syarikat (S&P500) sebanyak +16.3%, dan juga Jepun (TPX) sebanyak +4.8% sepanjang tahun kewangan.

Sementara itu, indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN masih mencatatkan penurunan, kecuali Malaysia. Prestasi tertinggi dicatat oleh Malaysia (FBM KLCI, +2.4%), diikuti oleh Indonesia (JCI, -5.1%), Thailand (SET, -8.3%), Filipina (PSEI, -8.6%), dan Singapura (STI, -11.8%).

Pemulihan pertumbuhan pasaran saham antarabangsa telah didorong oleh penurunan kadar polisi utama oleh bank-bank pusat seluruh dunia dan pemberian pakej rangsangan ekonomi oleh kerajaan-kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat dan rakyat yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Norma baharu kehidupan telah meningkatkan permintaan barangan seperti komputer peribadi, perisian komputer, alatan-alatan berkaitan dengan pangkalan data, permainan komputer, barangan penjagaan kesihatan, dan aktiviti pembelian atas talian. Ini telah menyebabkan saham-saham dalam sektor teknologi maklumat, perkhidmatan komunikasi dan kepenggunaan seperti Adobe Systems Inc (+52%), Facebook Inc (+33%) dan Amazon.com Inc (+76%) meningkat dengan ketara dalam tempoh tinjauan. Pembukaan semula aktiviti ekonomi domestik seluruh dunia lebih awal daripada jangkaan telah membantu pemulihan ekonomi dunia dan seterusnya memperlambatkan kadar penurunan unjuran pendapatan korporat akibat wabak COVID-19. Usaha penyelidikan dan pembuatan vaksin yang telah dipercepatkan turut menyumbang kepada sentimen positif terhadap jangkaan pemulihan ekonomi yang mampan pada tahun 2021.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, penanda aras utama pasaran domestik, FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan peningkatan sebanyak +2.4% untuk ditutup pada 1,627.21 mata pada 31 Disember 2020 meskipun berdepan persekitaran mencabar akibat wabak COVID-19. Langkah sekatan dan kawalan pergerakan yang dilaksanakan seluruh dunia bagi membendung penularan pandemik menjejaskan rantaian bekalan global dan memberi impak negatif kepada pertumbuhan ekonomi global. Indeks FBM KLCI mencatatkan paras terendah dalam tempoh 10 tahun apabila indeks merosot kepada 1,219.72 mata pada 19 Mac, 2020, berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menjejaskan sentimen pelabur. Namun, pakej rangsangan yang diumumkan kerajaan, pemulihan harga komoditi serta pengumuman bajet 2021 yang memberi tumpuan untuk memulihkan ekonomi memberi sokongan kepada sentimen pasaran.

Antara sektor-sektor yang mencatatkan pertumbuhan positif adalah sektor kesihatan (+185.6%), teknologi (+83.9%) dan pengangkutan (+4.7%). Manakala sektor-sektor yang terjejas teruk adalah sektor tenaga (-27.8%), amanah pelaburan hartanah (-13.4%) dan hartanah (-11.5%). Manakala antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan ketara dalam tempoh tinjauan adalah Supermax Corporation Berhad (+783.96%), Top Glove Corporation Berhad (+290.64%) dan Hartalega Holdings Berhad (+121.53%). Sementara itu, saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan penurunan adalah Genting Berhad (-26.28%), Tenaga Nasional Berhad (-21.42%), dan Genting Malaysia Berhad (-18.24%).

Sepanjang tempoh tinjauan, nilai mata wang Ringgit Malaysia telah mengukuh sebanyak +1.7% untuk ditutup pada paras RM4.0203/USD pada 31 Disember 2020 berbanding RM4.0910/USD pada 31 Disember 2019. Ringgit telah didagangkan pada paras terendah iaitu RM4.4470/USD pada 22 Mac 2020, manakala paras tertinggi adalah RM4.0203/USD pada 31 Disember 2020. Pengukuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia ini adalah didorong oleh aliran masuk semula pelabur asing ke dalam pasaran bon Malaysia berikutan persekitaran kadar faedah global yang rendah dan juga pandangan optimis pelabur asing terhadap pemulihan ekonomi global termasuk Malaysia.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada suku ketiga 2020 telah menguncup sebanyak -2.7% berbanding penguncupan sebanyak -17.1% pada suku kedua 2020. Pemulihan ini adalah selaras dengan pembukaan semula ekonomi apabila Malaysia beralih daripada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) serta permintaan luar yang bertambah baik. Pemulihan ekonomi di suku ketiga disokong oleh sektor perkilangan yang berkembang sebanyak +3.3% berbanding penguncupan sebanyak -13.5% di suku kedua 2020 dipacu oleh peningkatan pengeluaran barangan elektrik & elektronik. Sektor perkhidmatan pula merekodkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak -4.0% pada suku ketiga berbanding penguncupan sebanyak -16.2% pada suku kedua 2020 disokong oleh peningkatan perdagangan borong dan runcit. Manakala, sektor perlombongan dan pembinaan masing-masing mencatatkan penguncupan sebanyak -6.8% dan -12.4% pada suku ketiga berbanding penguncupan sebanyak -20.0% dan -44.5% pada suku kedua 2020.

Eksport kembali pulih di suku ketiga apabila mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak +4.4% berbanding penguncupan sebanyak -15.1% pada suku kedua 2020 disokong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada rakan perdagangan utama. Eksport perkilangan mencatatkan pertumbuhan sebanyak +6.8% pada suku ketiga berbanding penguncupan sebanyak -12.6% pada suku kedua 2020 didorong oleh peningkatan eksport barangan elektrik & elektronik.

3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 125 mata asas kepada 1.75% dan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) turut diturunkan sebanyak 100 mata asas kepada 2.00%. Ini berikutan wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia menyebabkan ekonomi terjejas teruk. Dengan pengurangan ini, kadar simpanan tetap 12-bulan untuk Maybank telah turun daripada 3.10% kepada 1.85%.

Sejajar dengan penurunan OPR, pergerakan kadar hasil, yang berkorelasi songsang dengan harga bon, Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) secara keseluruhan telah menurun sepanjang tahun kewangan. Kadar hasil MGS untuk 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih rendah pada 1.94%, 2.15% dan 2.59%, masing-masing jatuh sebanyak 107, 103 dan 72 mata asas bagi tempoh tersebut. Dalam pasaran bon korporat pula, perubahan kadar hasil secara relatifnya adalah sejajar dengan penurunan kadar hasil sekuriti kerajaan. Di samping itu, permintaan terhadap aset bersifat defensif telah meningkat termasuklah pasaran bon yang turut mengalami lonjakan harga daripada permintaan yang tinggi untuk sekuriti kerajaan dan bon korporat.

3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

IMF menjangkakan ekonomi global bakal pulih pada tahun 2021 dengan pertumbuhan sebanyak +5.2% (2020: -4.4%), didorong oleh pembukaan semula kegiatan ekonomi dan pelbagai rangsangan monetari serta fiskal yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara di seluruh dunia dalam memulihkan kegiatan ekonomi pasca COVID-19. Ini dijangka akan memacu pemulihan pasaran kewangan tempatan dan global. Di samping itu, Pengurus ASN juga menjangkakan akan terdapat ketidaktentuan pergerakan pasaran saham, bergantung kepada kadar pertumbuhan ekonomi serta kejayaan program vaksinasi untuk mencapai imuniti kelompok ("herd immunity"). Pelaksanaan semula perintah kawalan pergerakan bermula 13 Januari 2021 dalam menangani gelombang ketiga penularan COVID-19, menunjukkan bahawa masih terdapat risiko terhadap pembukaan semula kegiatan ekonomi. Di samping itu, pengisytiharan darurat sehingga 1 Ogos 2021 telah dikeluarkan sebagai langkah proaktif membendung wabak COVID-19. Ini, di samping risiko keberkesanan program vaksinasi serta ketidaktentuan polisi perdagangan antara Amerika Syarikat dan China ekoran dasar luar Amerika Syarikat yang dijangkakan sukar untuk diubah semula, akan mempengaruhi turun-naik pasaran saham.

Ekoran itu, strategi pelaburan ASN dijangka akan memberikan tumpuan yang lebih tinggi dalam pasaran ekuiti, setelah mempertimbangkan jangkaan pulangan berbanding tahap risiko yang diambil oleh ASN. Perumpukan aset akan kekal aktif bagi memastikan pulangan ASN kekal memuaskan dalam ketidaktentuan pasaran kewangan domestik dan global.

i. Ekuiti

Pelaburan di dalam ekuiti akan terus dilakukan secara selektif, berdasarkan analisa yang dibuat ke atas syarikat-syarikat yang tersenarai bagi mengenal pasti saham syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh dalam unjuran ekonomi yang positif, serta diniagakan di bawah harga wajar. Pelaburan akan ditumpukan dalam sektor-sektor yang dijangkakan akan mendapat manfaat dari pemulihan ekonomi, ekoran peningkatan tahap keyakinan pengguna sepanjang program vaksinasi yang akan dilaksanakan secara meluas dan sektor yang terkait rapat dengan eksport atas jangkaan peningkatan aliran dagangan dunia. Antara sektor yang dijangka mendapat manfaat dari pembukaan semula ekonomi, dan akan diberi fokus adalah sektor kepenggunaan, kewangan dan sektor berkaitan dengan komoditi. Sektor teknologi dan pembuatan turut menjadi fokus kerana Malaysia dijangkakan mendapat manfaat dari perubahan rantaian bekalan syarikat antarabangsa ekoran perang dagangan antara Amerika Syarikat dan China.

ASN juga akan kekal aktif dalam pelaburan di pasaran ekuiti antarabangsa yang akan dilaksanakan dengan menilai peluang antara negara-negara secara relatif, berdasarkan analisis pelbagai faktor termasuk persekitaran makroekonomi, kadar tukaran wang dan aliran pelaburan. Pelaburan antarabangsa akan berbentuk dinamik, dengan tumpuan kepada sektor-sektor sekular seperti e-dagang, perkomputeran awan (*Cloud computing*) dan semikonduktor berkaitan 5G, dan teknologi hijau seperti kenderaan elektrik dan sumber tenaga hijau.

Pengurus ASN juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang turun naik untuk menjana keuntungan daripada penjualan saham.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Untuk mempelbagaikan aset dalam portfolio, ASN akan terus melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang. Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap akan dibuat dengan pemilihan instrumen - instrumen yang bermutu seperti bon korporat jangka masa sederhana, sekuriti Islam berpendapatan tetap dan bon kerajaan, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh ASN.

Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi menyediakan kecairan tunai untuk kegunaan harian.

Dalam menjana pulangan yang kompetitif, Pengurus pelaburan ASN akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah-ubah. ASN juga akan mengambil strategi defensif dengan mengubah perumpukan aset sekiranya perlu, mengikut kesesuaian pasaran.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

AMANAH SAHAM NASIONAL

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM NASIONAL (Unit Amanah), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2020, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM NASIONAL, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 4 Februari 2021.

TAN SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ

Pengerusi

AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

4 Februari 2021

5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit,

AMANAH SAHAM NASIONAL

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD, telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus AMANAH SAHAM NASIONAL selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Surat Ikatan, lain-lain peruntukan Surat Ikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM NASIONAL bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) Prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit AMANAH SAHAM NASIONAL adalah mencukupi dan penilaian/penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Surat Ikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- c) Penagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM NASIONAL sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAH SAHAM NASIONAL.

Yang benar,

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

4 Februari 2021

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM NASIONAL

Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan AMANAH SAHAM NASIONAL, yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 31 Disember 2020, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 18 hingga 54.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil) dan Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRSs). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalam berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit,

pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT
202006000003
(LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Muhammad Syarizal bin Abdul Rahim
No. 03157/01/2021 (J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
4 Februari 2021

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		5,406,447	7,692,985
Pendapatan dividen		28,580,891	38,750,347
Keuntungan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		9,121,200	17,354,816
Keuntungan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)		18,429,837	7,910,738
Kerugian bersih kadar tukaran asing		(879,670)	(900,006)
		<u>60,658,705</u>	<u>70,808,880</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	10,820,086	12,077,215
Yuran pemegang amanah	5	600,000	600,000
Ganjaran juruaudit		39,500	39,500
Yuran ejen cukai		4,700	3,700
Perbelanjaan pentadbiran		1,704,223	2,246,488
		<u>13,168,509</u>	<u>14,966,903</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI		<u>47,490,196</u>	<u>55,841,977</u>
	6	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>47,490,196</u>	<u>55,841,977</u>
Pengagihan pelaburan	7	<u>36,384,240</u>	<u>49,038,000</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>2.02 sen</u>	<u>2.75 sen</u>
Tarikh Pengagihan		<u>1 Januari 2021</u>	<u>1 Januari 2020</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		29,532,418	48,209,055
Tidak ternyata		17,957,778	7,632,922
		<u>47,490,196</u>	<u>55,841,977</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	2020	2019
	RM	RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	47,490,196	55,841,977
Lain-lain kerugian komprehensif tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya		
Kerugian daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTOCI)	(31,371,144)	(34,486,470)
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN SEMASA	<u>16,119,052</u>	<u>21,355,507</u>
Lain-lain pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	36,948,101	49,294,547
Tidak ternyata	<u>(20,829,049)</u>	<u>(27,939,040)</u>
	<u>16,119,052</u>	<u>21,355,507</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
ASET			
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	8	692,849,572	775,947,267
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FIVPL)	9	354,421,057	337,218,934
Deposit dengan institusi kewangan	10	97,164,702	58,363,146
Tuntutan cukai		125,863	136,956
Pendapatan belum diterima	11	1,791,645	1,108,143
Jumlah terhutang daripada broker saham		-	5,205,225
Tunai di bank		8,850,727	2,464,045
JUMLAH ASET		1,155,203,566	1,180,443,716
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan	7	36,384,240	49,038,000
Jumlah terhutang kepada pengurus		983,800	992,328
Pelbagai pemiutang		420,719	2,243,773
JUMLAH LIABILITI		37,788,759	52,274,101
NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH		1,117,414,807	1,128,169,615
EKUITI			
Modal pemegang unit	12	1,314,636,803	1,305,413,729
Rizab-rizab lain		(197,221,996)	(177,244,114)
JUMLAH EKUITI/NILAI ASSET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		1,117,414,807	1,128,169,615
UNIT DALAM EDARAN	12	1,801,200,000	1,783,200,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		0.6204	0.6327

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

**7.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	Modal	Rizab-rizab Lain		Jumlah Ekuiti RM
	Pemegang Unit RM	Ternyata RM	Tidak Ternyata RM	
Pada 1 Januari 2019	1,341,442,984	64,298,542	(213,964,588)	1,191,776,938
Penjadian unit untuk jualan	742,662	-	-	742,662
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (31 Disember 2018)	59,633,910	-	-	59,633,910
Pembatalan unit	(96,405,827)	-	-	(96,405,827)
Pengimbangan pengagihan bagi tahun semasa	104,425	-	-	104,425
Pengagihan pendapatan	(104,425)	(48,933,575)	-	(49,038,000)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun semasa	-	48,209,055	(26,853,548)	21,355,507
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	1,085,492	(1,085,492)	-
Pada 31 Disember 2019	1,305,413,729	64,659,514	(241,903,628)	1,128,169,615
Pada 1 Januari 2020	1,305,413,729	64,659,514	(241,903,628)	1,128,169,615
Penjadian unit untuk jualan	103,052,805	-	-	103,052,805
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (31 Disember 2019)	46,286,265	-	-	46,286,265
Pembatalan unit	(140,115,996)	-	-	(140,115,996)
Pengimbangan pengagihan bagi tahun semasa	287,306	-	-	287,306
Pengagihan pendapatan	(287,306)	(36,096,934)	-	(36,384,240)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun semasa	-	29,532,418	(13,413,366)	16,119,052
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	7,415,683	(7,415,683)	-
Pada 31 Disember 2020	1,314,636,803	65,510,681	(262,732,677)	1,117,414,807

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.5 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	2020	2019
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	911,833,233	576,874,329
Pembelian pelaburan	(844,570,640)	(719,486,602)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	-	35,272,074
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	5,861,877	8,659,975
Dividen bersih diterima	27,448,711	39,077,772
Yuran pengurusan dibayar	(10,828,614)	(12,134,865)
Yuran pemegang amanah dibayar	(600,000)	(600,000)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(3,571,476)	(2,308,108)
Cukai dikembalikan	22,438	16,355,104
Tunai bersih dihasilkan daripada/ (digunakan dalam) aktiviti operasi dan pelaburan	<u>85,595,529</u>	<u>(58,290,321)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	159,891,990	63,696,570
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(150,381,610)	(99,621,400)
Pengagihan kepada pemegang unit	<u>(49,038,000)</u>	<u>(59,686,250)</u>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(39,527,620)</u>	<u>(95,611,080)</u>
PENINGKATAN/(PENURUNAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
	46,067,909	(153,901,401)
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	(879,671)	(900,006)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	<u>60,827,191</u>	<u>215,628,598</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u>106,015,429</u>	<u>60,827,191</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	8,850,727	2,464,045
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 10)	97,164,702	58,363,146
Tunai dan persamaan tunai	<u>106,015,429</u>	<u>60,827,191</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2020

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM NASIONAL (Unit Amanah) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 14 April 1981, antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Jadual Ketujuh Surat Ikatan. Pelaburan Dibenarkan termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 20 April 1981 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 18 November 1991.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 4 Februari 2021.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, telah disediakan selaras dengan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan International Financial Reporting Standards (IFRS).

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS yang baru dan disemak semula yang tertakluk kepada entiti dengan tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu (IC) yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board (MASB) pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dikenalpasti apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

(b) Aset-Aset Kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan asas perniagaan. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengkelasan aset tersebut.

(i) Pengkelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI) (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menandakan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli pada awal pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- ianya diperolehi dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (rujuk ke atas) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15 : *Revenue from contract with customers* dan dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarikbalik (berdasarkan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam ruzab-rizab lain.

Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi atas penjualan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul atas instrumen hutang akan diklasifikasikan semula menjadi untung atau rugi semasa penjualan instrumen tersebut.

(iv) Rosot nilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" (ECL). Unit Amanah mengiktiraf elaan kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosot nilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan.
Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh Unit Amanah mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);
- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan.
Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.
Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut :

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara.
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan.
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketiadaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan.

(v) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambil kira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulang pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata.

Pada penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung atau rugi semasa pelupusan.

(c) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

(i) Pengkelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti Kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos urusniaga secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(iii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam akaun untung rugi.

(iv) Modal Pemegang Unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrumen 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 *Financial Instruments: Presentation*.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut

dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda dengan sepenuhnya apabila unit dibatalkan.

(d) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diakui berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

(e) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi (mata wang fungsian).

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbangan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambil kira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif (OCI) atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf di dalam OCI atau penyata untung atau rugi).

(f) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(g) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunda yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(h) Pengukuran nilai saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh dimasuki oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian bahawa peserta pasaran menilai aset atau liabiliti, bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

- Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(I) Penilaian dan Anggaran Perakaunan Yang Ketara

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain - lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

COVID-19 telah diisytiharkan sebagai wabak oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada bulan Mac 2020. Wabak ini dan tindakan kerajaan Malaysia serta kerajaan-kerajaan di dunia bagi menangani wabak ini telah memberi kesan negatif kepada aktiviti-aktiviti komuniti, ekonomi dan operasi perniagaan. Oleh kerana wabak ini masih berkembang, adalah sangat sukar bagi meramalkan sejauh mana jangka masa dan kesannya terhadap perniagaan dan ekonomi, tempatan mahupun global.

Prestasi Unit Amanah untuk tahun kewangan semasa mungkin dipengaruhi oleh peningkatan turun naik di pasaran saham dan ketidakpastian dari penurunan ketara harga minyak. Pengurus sedang mengawasi situasi ini dengan teliti dan akan terus menilai kesannya terhadap operasi dan prestasi Unit Amanah apabila situasi semakin berkembang. Pengurus juga telah berusaha untuk menyesuaikan strategi pelaburannya dengan mempelbagaikan portfolio Unit Amanah dan melabur dalam kelas aset baru, baik di pasaran kewangan tempatan dan antarabangsa bagi menangani persekitaran operasi yang semakin mencabar.

4. YURAN PENGURUS

Klausula 13.1 Surat Iktan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.0% setahun daripada Nilai Aset Bersih (NAB) Unit Amanah, dikira dan diakui secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 ialah 1.0% (2019 : 1.0%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak RM600,000 atau 0.08% setahun daripada NAB Unit Amanah, yang mana lebih rendah, dikira dan diaku secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 ialah RM600,000 (2019: RM600,000) setahun.

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidanguasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, pemotongan cukai bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

7. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2020 RM	2019 RM
Peruntukan bagi tahun semasa	36,384,240	49,038,000

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan sebanyak 2.02 sen seunit bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 (2019 : 2.75 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit dalam edaran pada akhir tempoh kewangan.

Sumber pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2020 RM	2019 RM
Rizab pengimbangan pengagihan pendapatan	287,306	104,425
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	5,406,447	7,692,985
Pendapatan dividen	28,580,891	38,750,347
Kerugian ternyata kadar tukaran asing	(407,611)	(622,190)
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan - FVTPL	9,121,200	17,354,816
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan - FVTOCI	6,564,516	724,520
	49,552,749	64,004,903
Tolak: Perbelanjaan	(13,168,509)	(14,966,903)
Jumlah pengagihan	36,384,240	49,038,000
Pengagihan kasar dan bersih seunit	2.02 sen	2.75 sen

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF

	2020	2019
	RM	RM
Pada kos:		
Pelaburan disebut harga - Dalam Negara :		
Saham Biasa	915,714,319	963,179,072
REITs	6,868,834	3,714,954
	<u>922,583,153</u>	<u>966,894,026</u>

Pada nilai saksama:		
Pelaburan disebut harga - Dalam Negara :		
Saham Biasa	686,285,116	772,189,237
REITs	6,564,456	3,758,030
	<u>692,849,572</u>	<u>775,947,267</u>

Pelaburan disebut harga - Dalam Negara

Pelaburan disebut harga pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020
				%
Perkhidmatan				
Komunikasi				
Astro Malaysia Holdings Berhad	5,951,600	13,067,644	5,386,198	0.48
Axiata Group Berhad	9,124,098	50,752,758	34,124,127	3.05
Digi.Com Berhad	3,895,800	21,999,436	16,128,612	1.44
Maxis Berhad	2,769,900	17,642,547	13,987,995	1.25
Telekom Malaysia Berhad	2,824,723	19,727,315	15,281,751	1.37
	<u>24,566,121</u>	<u>123,189,700</u>	<u>84,908,683</u>	<u>7.59</u>
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Bermaz Auto Berhad	6,914,400	17,061,555	10,025,880	0.90
UMW Holdings Berhad	1,906,300	12,704,470	6,481,420	0.58
	<u>8,820,700</u>	<u>29,766,025</u>	<u>16,507,300</u>	<u>1.48</u>

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020
				%
Barangan Asasi				
Pengguna				
IOI Corporation Berhad Kuala Lumpur Kepong Berhad	4,120,800	19,951,332	18,007,896	1.61
Leong Hup International Berhad	811,811	19,388,759	19,223,684	1.72
QL Resources Berhad	7,576,400	7,686,465	5,189,834	0.46
Sime Darby Plantation Berhad	1,800,000	7,010,390	10,440,000	0.93
	3,692,009	20,708,676	18,423,125	1.65
	18,001,020	74,745,622	71,284,539	6.37
Tenaga				
Dialog Group Berhad	3,457,100	12,132,270	11,926,995	1.07
Sapura Energy Berhad	12,695,856	19,339,952	1,586,982	0.14
Velesto Energy Berhad	5,051,660	4,688,020	707,232	0.06
	21,204,616	36,160,242	14,221,209	1.27
Kewangan				
AMMB Holdings Berhad	5,287,700	35,591,983	19,300,105	1.73
CIMB Group Holdings Berhad	11,555,633	59,479,433	49,689,222	4.45
Malayan Banking Berhad	7,871,952	73,013,023	66,596,714	5.96
Public Bank Berhad	3,956,100	91,258,768	81,495,660	7.29
RHB Bank Berhad	5,141,360	29,059,080	28,020,412	2.51
	33,812,745	288,402,287	245,102,113	21.94

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020
				%
Penjagaan Kesihatan				
Hartalega Holdings Berhad	700,000	13,279,280	8,498,000	0.76
IHH Healthcare Berhad	1,787,800	10,751,515	9,832,900	0.88
	<u>2,487,800</u>	<u>24,030,795</u>	<u>18,330,900</u>	<u>1.64</u>
Perindustrian				
AirAsia Group Berhad	5,592,300	19,717,284	4,949,186	0.44
Malaysia Airports Holdings Berhad	2,100,000	17,881,361	12,432,000	1.11
Gamuda Berhad	3,046,600	15,197,215	11,851,274	1.06
HSS Engineers Berhad	5,018,080	7,305,142	3,286,842	0.29
IJM Corporation Berhad	4,500,000	15,990,640	7,785,000	0.70
MISC Berhad	2,676,900	24,654,676	18,390,303	1.65
Sime Darby Berhad	10,106,100	24,371,258	23,345,091	2.09
WCT Holdings Berhad	4,223,341	10,264,635	2,238,371	0.20
V.S. Industry Berhad	4,413,900	10,860,369	11,432,001	1.02
	<u>41,677,221</u>	<u>146,242,580</u>	<u>95,710,068</u>	<u>8.56</u>
Teknologi				
Inari Amertron Berhad	4,695,900	9,263,257	12,960,684	1.16
Bahan Asas				
Petronas Chemicals Group Berhad	3,446,200	26,265,557	25,605,266	2.29
Press Metal Berhad	1,834,200	14,673,191	15,388,938	1.38
	<u>5,280,400</u>	<u>40,938,748</u>	<u>40,994,204</u>	<u>3.67</u>

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020 %
Hartanah				
Mah Sing Group Berhad	7,261,125	12,288,980	6,317,179	0.57
Sime Darby Property Berhad	8,192,009	11,767,915	5,447,686	0.49
SP Setia Berhad	5,240,580	17,570,052	5,188,174	0.46
	20,693,714	41,626,947	16,953,039	1.52
Utiliti				
Petronas Gas Berhad	645,600	14,064,788	11,091,408	0.99
Tenaga Nasional Berhad	5,200,000	78,826,203	54,184,000	4.85
YTL Corporation Berhad Berhad	5,418,750	8,457,125	4,036,969	0.36
	11,264,350	101,348,116	69,312,377	6.20
Jumlah saham biasa	192,504,587	915,714,319	686,285,116	61.40
REITs				
KLCC Property Holdings Berhad	475,700	3,714,954	3,367,956	0.30
Sunway Real Estate Investment Trust	2,131,000	3,153,880	3,196,500	0.30
	2,606,700	6,868,834	6,564,456	0.60
Jumlah pelaburan disebut harga - Dalam Negara	195,111,287	922,583,153	692,849,572	62.00

9. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

		2020	2019
		RM	RM
Pada kos:			
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti			
hutang tidak disebut harga	(a)	55,006,616	98,847,674
Pelaburan disebut harga - Dalam Negara			
Saham biasa	(b)	167,000,962	148,749,717
Saham keutamaan		161,088,655	140,877,034
		5,912,307	7,872,683
Pelaburan disebut harga - Luar Negara			
Skim pelaburan kolektif	(c)	164,501,615	140,139,517
Saham biasa		12,740,867	-
		151,760,748	140,139,517
		386,509,193	387,736,908

Pada nilai saksama:

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti			
Hutang tidak disebut harga	(a)	58,893,850	99,570,590
Pelaburan disebut harga - Dalam Negara			
Saham biasa-dalam negara	(b)	116,597,141	99,861,286
Saham keutamaan		112,244,000	92,922,938
		4,353,141	6,938,348
Pelaburan disebut harga - Luar Negara			
Skim pelaburan kolektif	(c)	178,930,066	137,787,058
Saham biasa		13,315,072	-
		165,614,994	137,787,058
		354,421,057	337,218,934

(a) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

		2020	2019
		RM	RM
Pada kos:			
Nota Islam jangka sederhana			
		55,006,616	65,007,418
Bon subordinat			
		-	2,000,000
Terbitan Pelaburan Kerajaan			
		-	31,840,256
		55,006,616	98,847,674
Pada nilai saksama:			
Nota Islam jangka sederhana			
		58,893,850	65,949,450
Bon subordinat			
		-	2,021,140
Terbitan Pelaburan Kerajaan			
		-	31,600,000
		58,893,850	99,570,590

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020 %
Nota Islam Jangka Sederhana				
4.76% IJM Corporation Berhad 10.4.2029	5,000,000	5,006,616	5,340,750	0.48
5.20% MNRB Holdings Berhad 22.3.2024	5,000,000	5,000,000	5,194,000	0.46
4.81% PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad 28.12.2027	10,000,000	10,000,000	10,707,200	0.96
4.78% PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad 28.12.2026	10,000,000	10,000,000	10,666,400	0.95
6.18% Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn. Berhad 26.11.2027	5,000,000	5,000,000	5,336,550	0.48
6.33% Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn. Berhad 26.11.2027	5,000,000	5,000,000	5,379,800	0.48

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020 %
Nota Islam Jangka Sederhana (Samb.)				
6.48% Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn. Berhad 26.11.2027	15,000,000	15,000,000	16,269,150	1.46
Jumlah Nota Islam Jangka Sederhana	55,000,000	55,006,616	58,893,850	5.27
Jumlah pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	55,000,000	55,006,616	58,893,850	5.27

(b) Pelaburan disebut harga - Dalam Negara

Pelaburan disebut harga pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020 %
Saham biasa				
Barangan Asasi Pengguna				
UMW Holdings Berhad	689,900	8,167,961	2,345,660	0.21
Tenaga				
Sapura Energy Berhad	4,846,666	6,352,756	605,833	0.05
Velesto Energy Berhad	20,195,267	21,291,879	2,827,337	0.25
Wah Seong Corporation Berhad	5,426,122	8,799,772	4,313,767	0.39
	30,468,055	36,444,407	7,746,937	0.69

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020 %
Saham biasa (samb.)				
Kewangan				
CIMB Group Holdings Berhad	4,128,545	24,956,816	17,752,743	1.59
Malayan Banking Berhad	1,679,198	14,582,371	14,206,015	1.27
	<u>5,807,743</u>	<u>39,539,187</u>	<u>31,958,758</u>	<u>2.86</u>
Perindustrian				
Econpile Holdings Berhad	3,766,800	3,555,814	1,958,736	0.19
IJM Corporation Berhad	2,500,000	8,731,908	4,325,000	0.39
MISC Berhad	900,000	7,418,280	6,183,000	0.55
	<u>7,166,800</u>	<u>19,706,002</u>	<u>12,466,736</u>	<u>1.12</u>
Bahan Asas				
Petronas Chemicals Group Berhad	1,550,000	9,641,095	11,516,500	1.03
Press Metal Berhad	2,528,600	13,957,917	21,214,953	1.90
	<u>4,078,600</u>	<u>23,599,012</u>	<u>32,731,453</u>	<u>2.93</u>
Teknologi				
MI Technovation Berhad	2,223,700	9,144,377	8,761,378	0.78
Greatech Technology Berhad	735,200	6,503,428	6,690,320	0.60
	<u>2,958,900</u>	<u>15,647,805</u>	<u>15,451,698</u>	<u>1.38</u>
Utiliti				
YTL Corporation Berhad	12,474,193	17,984,281	9,542,758	0.86
Jumlah Saham Biasa	<u>63,644,191</u>	<u>161,088,655</u>	<u>112,244,000</u>	<u>10.05</u>

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020 %
Saham keutamaan				
Tenaga				
Sapura Energy Berhad- Redeemable Convertible Preference Shares - Islamic	3,096,378	1,269,515	448,975	0.04
Hartanah				
SP Setia Berhad - Redeemable Convertible Preference Shares - Islamic B	5,275,900	4,642,792	3,904,166	0.35
Jumlah Saham Keutamaan	8,372,278	5,912,307	4,353,141	0.39
Jumlah Pelaburan disebut harga				
- Dalam Negara	72,016,469	167,000,962	116,597,141	10.44

(c) Pelaburan disebut harga - Luar Negara

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020 %
Skim Pelaburan Kolektif Negara				
Amerika Syarikat				
iShares Global Clean Energy ETF	65,000	6,846,594	7,419,690	0.66
Vanguard Small-Cap Value ETF	7,500	5,894,273	5,895,382	0.53
	72,500	12,740,867	13,315,072	1.19
Jumlah Skim Pelaburan Kolektif	72,500	12,740,867	13,315,072	1.19

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020
				%
Saham biasa				
China				
Penjagaan Kesihatan				
Aier Eye Hospital Group Co Ltd	149,948	6,222,355	6,870,213	0.61
Barangan Asasi Pengguna				
Foshan Haitian Flavouring & Food Co Ltd	30,000	3,188,199	3,721,903	0.33
Perindustrian				
Contemporary Amperex Technology Co Ltd	30,000	4,921,116	6,328,185	0.57
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Alibaba Group Holding Ltd	50,000	7,160,960	6,147,101	0.55
Perancis				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Hermes International	800	3,273,523	3,509,551	0.31
Jerman				
Teknologi				
SAP SE	6,365	4,085,185	3,386,753	0.30
Hong Kong				
Barangan Asasi Pengguna				
China Mengniu Dairy Co Ltd	200,000	4,683,148	4,866,672	0.44

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020 %
Negara				
Jepun				
Teknologi				
Murata Manufacturing Co Ltd	16,000	4,534,036	5,828,669	0.52
Perindustrian				
FANUC Corp	3,500	3,580,594	3,469,371	0.31
Belanda				
Teknologi				
ASML Holding NV	5,000	8,486,279	9,887,981	0.88
Korea Selatan				
Bahan Asas				
LG Chem Ltd	1,935	5,050,319	5,922,947	0.53
Teknologi				
SK Hynix Inc	22,000	8,108,581	9,684,355	0.87
Samsung Electronics Co Ltd	47,000	11,161,210	14,142,056	1.27
	69,000	19,269,791	23,826,411	2.14

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2020
				%
Negara				
Taiwan				
Teknologi				
Delta Electronics Inc	200,000	6,468,092	7,467,631	0.67
Taiwan Semiconductor Manufacturing Co Ltd	130,000	8,075,167	9,801,266	0.88
	330,000	14,543,259	17,268,897	1.55
Amerika Syarikat				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Amazon.com Inc	640	8,394,157	8,485,299	0.76
NIKE Inc	14,000	7,118,546	7,997,779	0.72
	14,640	15,512,703	16,483,078	1.48
Barangan Asasi Pengguna				
Walmart Inc	4,300	2,521,445	2,501,572	0.22
Perindustrian				
FedEx Corp	9,000	10,363,154	9,441,085	0.84
Komunikasi				
Facebook Inc	2,600	2,951,979	2,852,161	0.26
Teknologi				
Apple Inc	5,021	10,064,767	10,078,110	0.90
Mastercard Inc	6,900	9,274,293	9,898,952	0.89
Microsoft Corp	8,000	6,906,166	7,155,763	0.64
Qualcomm Inc	10,197	5,167,477	6,169,619	0.55
	30,118	31,412,703	33,302,444	2.97
Jumlah Saham biasa	953,206	151,760,748	165,614,994	14.82
Jumlah Pelaburan Disebut Harga - Luar Negara				
	1,025,706	164,501,615	178,930,066	16.01

10. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	2020 RM	2019 RM
Pada kos		
Bank-bank berlesen	97,164,702	58,363,146

Purata wajaran kadar pendapatan efektif (PWKPE) tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	2020		2019	
	WAEIR (% p.a)	Purata Tempoh Matang (Hari)	WAEIR (% p.a)	Purata Tempoh Matang (Hari)
Bank-bank berlesen	2.06	5	3.26	2

Tidak ada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang melebihi 90 hari. (2019: Tiada)

11. PENDAPATAN BELUM DITERIMA

	2020 RM	2019 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	314,428	751,760
Dividen	1,477,217	356,383
	1,791,645	1,108,143

12. MODAL PEMEGANG UNIT

	2020		2019	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tahun	1,783,200,000	1,305,413,729	1,836,500,000	1,341,442,984
Penjadian unit untuk				
- jualan	187,800,000	103,052,805	6,200,000	742,662
- pengagihan	77,400,000	46,286,265	91,900,000	59,633,910
	265,200,000	149,339,070	98,100,000	60,376,572
Pembatalan unit	(247,200,000)	(140,115,996)	(151,400,000)	(96,405,827)
	18,000,000	9,223,074	(53,300,000)	(36,029,255)
Pengimbangan pengagihan bagi				
- tahun semasa	-	287,306	-	104,425
- pengagihan	-	(287,306)	-	(104,425)
Pada akhir tahun	1,801,200,000	1,314,636,803	1,783,200,000	1,305,413,729

Sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2020, Pengurus tidak memegang sebarang unit dalam Unit Amanah. Pada 31 Disember 2020, PNB secara sah memegang 1,968,641 unit (31 Disember 2019 : 518,128), merangkumi 0.11% (31 Disember 2019 : 0.03%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

13. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer/institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga adalah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga RM	Pecahan Jumlah Urus Niaga %	Yuran Broker RM	Pecahan Jumlah Yuran Broker %
CLSA Securities Malaysia Berhad	104,797,096	11.24	154,984	11.81
Maybank Investment Bank Berhad**	84,455,948	9.06	127,116	9.68
Macquarie Capital Securities (M) Sdn Bhd	84,071,658	9.01	126,107	9.61
RHB Investment Bank Berhad**	70,889,612	7.60	106,334	8.10
CGS-CIMB Securities Sdn Bhd**	70,051,010	7.51	105,077	8.01
Credit Suisse Securities (M) Sdn Bhd	66,958,636	7.18	101,221	7.71
Affin Hwang Investment Bank Berhad**	49,720,195	5.33	74,611	5.68
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	46,600,220	5.00	69,900	5.33
Citigroup Global Markets Malaysia Sdn Bhd	44,099,565	4.73	61,716	4.70
UOB Kay Hian Securities (M) Sdn Bhd	41,984,758	4.50	62,977	4.80
Lain-lain	268,957,222	28.84	322,503	24.57
	932,585,920	100.00	1,312,546	100.00

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat tersebut.

** PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan dengan tulus, menurut amalan biasa berdasarkan syarat-syarat dalam industri pembrokeran saham.

14. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2020	2019
Pusing Ganti Portfolio (PGP)	0.81 kali	0.51 kali

PGP adalah dikira berdasarkan pada nisbah purata jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tempoh kewangan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

15. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2020	2019
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP)	1.23%	1.24%

NPP adalah dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

16. RISIKO KEWANGAN DAN DASAR PENGURUSAN MODAL

(a) Pengenalan

Unit Amanah ini terdedah kepada pelbagai risiko termasuk risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan. Walaupun risiko kewangan jenis ini adalah yang terpenting bagi setiap jenis instrumen kewangan, Pengurus dan Pemegang Amanah ingin menekankan bahawa senarai ini tidak bertujuan untuk membentuk satu senarai yang lengkap bagi semua risiko yang wujud dalam pelaburan Unit Amanah. Objektif pengurusan risiko kewangan Unit Amanah adalah untuk mengurangkan kerugian modal.

(b) Struktur pengurusan risiko dan aktiviti

Pengurus dan Pengurus Pelaburan bertanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko. Aktiviti pengurusan risiko adalah berdasarkan rangka kerja pengurusan syarikat. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah, Pengurus dan Pengurus Pelaburan bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko keseluruhan Unit Amanah.

(c) Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan bahawa nilai pelaburan akan berkurangan akibat dari penurunan dalam pasaran kewangan yang disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi, politik dan /atau lain-lain yang akan menjejaskan prestasi Unit Amanah.

Risiko pasaran tidak boleh dihapuskan tetapi peruntukan aset dan strategi kepelbagaian boleh mengurangkan risiko ini.

(i) Risiko harga ekuiti

Risiko ekuiti adalah risiko bahawa nilai saksama instrumen kewangan akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam pembolehubah pasaran, iaitu harga ekuiti, kadar faedah, kadar pertukaran asing dan harga komoditi. Risiko pasaran diuruskan melalui kepelbagaian portfolio dan perubahan dalam peruntukan aset, dan tindak balas pantas kepada pelbagai faktor yang boleh menjejaskan Unit Amanah.

Risiko harga ekuiti boleh dikurangkan melalui analisa fundamental ke atas syarikat-syarikat dan pemantauan berterusan ke atas fundamental syarikat asas dan prestasi sahamnya.

Sensitiviti risiko harga ekuiti

Berikut adalah anggaran terbaik Pengurus atas kesan ke atas lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa disebabkan oleh perubahan munasabah dalam indeks ekuiti, dengan semua pemboleh ubah lain tidak berubah seperti dalam jadual di bawah:

	Perubahan pada harga ekuiti %	Kesan ke atas lain-lain pendapatan komprehensif tahun semasa Naik/(turun) RM
Indeks pasaran		
2020		
Pelaburan dalam FVTOCI	+10/-10	692,850/ (692,850)
Pelaburan dalam FVIPL	+10/-10	295,527/ (295,527)
2019		
Pelaburan dalam FVTOCI	+10/-10	775,947/ (775,947)
Pelaburan dalam FVIPL	+10/-10	237,648/ (237,648)

Analisis sensitiviti di atas mengandaikan bahawa portfolio ekuiti bergerak sejajar dengan indeks di atas.

Risiko penumpuan harga ekuiti

Penumpuan harga ekuiti Unit Amanah dianalisa oleh instrumen ekuiti Unit Amanah mengikut sektor adalah seperti di Nota 8 dan 9.

(ii) Risiko kadar pendapatan

Risiko kadar pendapatan merujuk kepada kesan perubahan kadar pendapatan ke atas penilaian instrumen berpendapatan tetap. Prestasi instrumen berpendapatan tetap mungkin terjejas sekiranya kadar pendapatan meningkat dengan ketara.

Bagi mengurangkan risiko kadar pendapatan, Pengurus perlu memantau portfolio instrumen berpendapatan tetap dengan menjalankan kajian yang kerap ke atas pergerakan kadar pendapatan, jangkaan pasaran dan menyesuaikan strategi portfolio sekiranya perlu, berdasarkan objektif Unit Amanah.

Sensitiviti risiko kadar pendapatan

Jadual berikut menunjukkan sensitiviti lain-lain pendapatan komprehensif Unit Amanah bagi tahun semasa ke atas perubahan yang munasabah dalam kadar pendapatan, dengan semua pemboleh ubah lain tidak berubah.

Sensitiviti adalah kesan perubahan yang diandaikan dalam kadar pendapatan pada:

- lain-lain pendapatan komprehensif selama satu tahun, berdasarkan aset kewangan kadar terapung yang dipegang pada akhir tempoh pelaporan;
- perubahan dalam nilai saksama pelaburan untuk tahun kewangan, berdasarkan penilaian semula aset kewangan kadar tetap pada akhir tempoh pelaporan.

	Sensitiviti perubahan dalam untung/(rugi) bagi tahun kewangan Naik/(turun) RM	
	Perubahan mata asas*	
2020		
Deposit dengan institusi kewangan	+25/-25	242,912/ (242,912)
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	+25/-25	(147,235)/ 147,235

	Sensitiviti perubahan dalam untung/(rugi) bagi tahun keuangan Naik/(turun) RM
Perubahan mata asas*	
2019	145,908/
Deposit dengan institusi kewangan	+25/-25 (145,908)
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	(248,926)/ 248,926

* Pergerakan yang diandaikan dalam mata asas bagi analisa sensitiviti kada pendapatan berdasarkan pemerhatian ke atas persekitaran semasa pasaran yang diawasi.

Jadual berikut menganalisa pendedahan risiko kadar pendapatan Unit Amanah. Aset dan liabiliti Unit Amanah diletakkan pada nilai saksama dan dikategorikan berdasarkan kepada penentuan semula harga kontraktual atau tarikh kematangan kontrak yang mana terdahulu.

	1 bulan hingga 3 bulan RM	3 bulan hingga 1 tahun RM	1 tahun hingga 10 tahun RM	10 tahun dan keatas RM	Tanpa faedah RM	Jumlah RM	Kadar faedah %
2020							
Aset:							
Pelaburan pada FVTOCI	-	-	-	-	692,849,572	692,849,572	-
Pelaburan pada FVTPL	-	-	58,893,850	-	295,527,207	354,421,057	5.40
Deposit dengan institusi kewangan	97,164,702	-	-	-	-	97,164,702	2.06
Lain-lain aset	-	-	-	-	10,768,235	10,768,235	-
Jumlah aset	97,164,702	-	58,893,850	-	999,145,014	1,155,203,566	
Liabiliti:							
Lain-lain liabiliti	-	-	-	-	37,788,759	37,788,759	
Jumlah Liabiliti	-	-	-	-	37,788,759	37,788,759	
Jumlah jurang sensitiviti faedah	97,164,702	-	58,893,850	-	961,356,255	1,117,414,807	

2019	1 bulan hingga 3 bulan RM	3 bulan hingga 1 tahun RM	1 tahun hingga 10 tahun RM	10 tahun dan keatas RM	Tanpa faedah RM	Jumlah RM	Kadar faedah %
Aset:							
Pelaburan pada FVTOCI	-	-	-	-	775,947,267	775,947,267	
Pelaburan pada FVTPL	-	17,141,740	82,428,850	-	237,648,344	337,218,934	4.81
Depositi dengan institusi keuangan	58,363,146	-	-	-	-	58,363,146	3.26
Lain-lain aset	-	-	-	-	8,914,369	8,914,369	
Jumlah aset	<u>58,363,146</u>	<u>17,141,740</u>	<u>82,428,850</u>	<u>-</u>	<u>1,022,509,980</u>	<u>1,180,443,716</u>	
Liabiliti:							
Lain-lain liabiliti	-	-	-	-	52,274,101	52,274,101	
Jumlah Liabiliti	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>52,274,101</u>	<u>52,274,101</u>	
Jumlah jurang sensitiviti faedah	58,363,146	17,141,740	82,428,850	-	970,235,879	1,128,169,615	

(d) Risiko kredit

Risiko kredit adalah berkaitan dengan kepercayaan kredit penerbit instrumen berpendapatan tetap dan jangkaan keupayaan mereka untuk membuat pembayaran faedah dan/atau prinsipal tepat pada masanya yang boleh menjejaskan prestasi portfolio instrumen berpendapatan tetap.

Risiko kredit diuruskan dengan memastikan Unit Amanah melabur dalam instrumen berpendapatan tetap yang diterbitkan oleh penerbit yang mempunyai asas yang kukuh dengan kepercayaan kredit yang baik dan sentiasa memantau keupayaan penerbit bagi memenuhi pembayaran hutang dan perjanjian kewangan.

Pendedahan risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Unit Amanah terhadap risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa setiap kelas aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Kualiti kredit aset kewangan

Unit Amanah melabur dalam sekuriti hutang yang diberi penarafan kredit sekurang-kurangnya gred pelaburan oleh agensi penarafan kredit. Jadual berikut menganalisa portfolio sekuriti hutang Unit Amanah mengikut kategori penarafan :

Penarafan Kredit	2020	2019	
	%	%	%
	atas nilai aset bersih	atas sekuriti hutang	atas nilai aset bersih
GG	-	31.74	2.80
AAA	-	10.14	0.90
AA1	-	2.03	0.18
AA2	-	5.04	0.45
AA3	0.48	5.20	0.46
A1	1.42	10.18	0.90
A+S(S)	1.46	15.24	1.35
NOTRATED	1.91	20.43	1.80
	<u>5.27</u>	<u>100.00</u>	<u>8.84</u>

(e) Risiko kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan untuk mencairkan aset yang bergantung kepada jumlah aset yang diniagakan di pasaran. Jika Unit Amanah menyimpan aset yang tidak cair, prestasi Unit Amanah akan terjejas apabila ia perlu menjual aset pada harga yang kurang menguntungkan.

Risiko kecairan juga adalah apabila Unit Amanah menghadapi kesukaran dalam memenuhi pelucutan unit oleh pemegang unit.

Risiko kecairan boleh dikurangkan dengan menguruskan pegangan Unit Amanah dalam aset kurang cair melalui strategi perumpukan aset dan mengekalkan aset cair yang mencukupi untuk memenuhi pelucutan unit oleh pemegang unit.

Dasar Pengurus adalah untuk sentiasa mengekalkan aset cair secara berhemah dan pada tahap yang mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi dan permintaan penebusan oleh pemegang unit. Aset cair terdiri daripada tunai, deposit dengan institusi kewangan dan lain-lain instrumen yang mampu ditukar menjadi wang tunai dalam tempoh 7 hari.

Jadual berikut meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan. Baki tertunggak dalam tempoh enam bulan samaada dengan nilai yang dibawa kerana kesan pendiskaunan adalah tidak ketara.

Liabiliti Kewangan	Kurang dari 1 bulan hingga		
	1 bulan RM	1 tahun RM	Jumlah RM
Lain-lain liabiliti			
2020	<u>983,800</u>	<u>420,719</u>	<u>1,404,519</u>
2019	<u>992,328</u>	<u>2,243,773</u>	<u>3,236,101</u>

Pengelasan kematangan adalah berdasarkan baki tempoh dari akhir tempoh pelaporan hingga tarikh matang kontrak. Apabila pihak yang berurusan dengan Unit Amanah mempunyai pilihan untuk menentukan tarikh pembayaran, liabiliti

tersebut hendaklah diperuntukkan untuk tempoh yang terawal di mana Unit Amanah diperlukan untuk membuat pembayaran.

(f) Risiko penumpuan

Risiko penumpuan adalah kebarangkalian kerugian yang timbul daripada kekurangan kepelbagaian, melabur terlalu besar dalam satu industri, satu lokasi geografi atau satu jenis sekuriti. Penumpuan yang berlebihan juga boleh mengakibatkan risiko kecairan atau risiko kerugian saham tertentu.

Risiko ini dapat dikurangkan dengan melabur ke dalam kelas aset dan sekuriti yang berbeza dalam pelbagai sektor atau lokasi geografi yang berbeza dalam had yang diluluskan. Ia juga boleh dikurangkan melalui pengawasan yang rapat kepada pelaburan yang mana pendedahannya adalah terlalu tertumpu.

17. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENZAHIRAN BERKAITAN

Nilai saksama

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

(i) Tunai dan Persamaan Tunai, Instrumen Pasaran Kewangan, Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham, Tuntutan Cukai, Peruntukan Pengagihan, dan Pendapatan Belum Diterima.

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

(ii) Pelaburan disebut Harga

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan dalam dan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti, pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iv) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

18. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2 : Input yang berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran.

2020	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)				
Ekuiti disebut harga	692,849,572	-	-	692,849,572
	<u>692,849,572</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>692,849,572</u>

Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FVPL)				
Ekuiti disebut harga	295,527,207	-	-	295,527,207
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	58,893,850	-	58,893,850
	<u>295,527,207</u>	<u>58,893,850</u>	<u>-</u>	<u>354,421,057</u>

2019	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)				
Ekuiti disebut harga	775,947,267	-	-	775,947,267
	<u>775,947,267</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>775,947,267</u>

Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FVPL)				
Ekuiti disebut harga	237,648,344	-	-	237,648,344
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	99,570,590	-	99,570,590
	<u>237,648,344</u>	<u>99,570,590</u>	<u>-</u>	<u>337,218,934</u>

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

19. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

20. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) .

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

KUALA LUMPUR	PUTRAJAYA
Amanah Saham Nasional Berhad Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB 201-A, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya Presint 3, Persiaran Perdana 62675 Putrajaya Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Amanah Saham Nasional Berhad Lot 18-1 & 18-2 Pusat Dagangan UMNO Shah Alam Persiaran Damai Seksyen 11 40000 Shah Alam Selangor	Amanah Saham Nasional Berhad No.7 Jalan Medan Niaga 2 Medan Niaga Kuala Selangor 45000 Kuala Selangor Selangor
Amanah Saham Nasional Berhad (UTC Selangor) Lot, 2-17(A), Tingkat 2, Anggerik, Mall, No 5, Jalan 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor	
MELAKA	NEGERI SEMBILAN
Amanah Saham Nasional Berhad No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim Jalan KPAA 1, Bukit Baru 75150 Melaka	Amanah Saham Nasional Berhad No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
JOHOR	
Amanah Saham Nasional Berhad No.12 Jalan Maju Taman Maju 83000 Batu Pahat Johor	Amanah Saham Nasional Berhad Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2 Uda Business Centre 81200 Johor Bahru Johor
Amanah Saham Nasional Berhad No.6 dan 7, Jalan Muhibbah Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	
PERAK	
Amanah Saham Nasional Berhad No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	Amanah Saham Nasional Berhad No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
Amanah Saham Nasional Berhad No. 71 & 73, Tingkat Bawah Jalan Tun Ismail 25000 Kuantan , Pahang	Amanah Saham Nasional Berhad No.8, Jalan Ahmad Shah Bandar Seri Semantan 28000 Temerloh , Pahang

PULAU PINANG	
Amanah Saham Nasional Berhad No.12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang	Amanah Saham Nasional Berhad A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang
PERLIS	TERENGGANU
Amanah Saham Nasional Berhad Lot 7, Jalan Indera Kayangan 01000 Kangar , Perlis	Amanah Saham Nasional Berhad No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
Amanah Saham Nasional Berhad 27, Kompleks Shahab Perdana Jalan Sultanah Sambungan 05250 Alor Setar Kedah	Amanah Saham Nasional Berhad No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah
KELANTAN	
Amanah Saham Nasional Berhad Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>	Amanah Saham Nasional Berhad No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Amanah Saham Nasional Berhad Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 Kota Kinabalu , Sabah	Amanah Saham Nasional Berhad TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 Tawau , Sabah
Amanah Saham Nasional Berhad Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu , Sabah	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau , Sabah
Amanah Saham Nasional Berhad Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan , Sabah	

SARAWAK	
Amanah Saham Nasional Berhad Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching , Sarawak	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 886 & 887, Block 9 MCLD Miri Waterfront Commercial Centre 98000 Miri , Sarawak
Amanah Saham Nasional Berhad Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu , Sarawak	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 Limbang , Sarawak
Amanah Saham Nasional Berhad 4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 Sri Aman , Sarawak	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 Sibu , Sarawak

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

PENGURUS

AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD 197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD 197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB

201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@pnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad 200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya

No. 2, Jalan Ampang, 50508 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2036 5129/5003

Faks: 03-2072 0320

Emel: art@arb.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.com.my